

# Pusat Perkembangan Autisme UMS Labuan terima Toyota Innova

UB 20.10.17 4

**LABUAN:** Pusat Perkembangan Autisme UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima sebuah Toyota Innova daripada kerajaan.

Majlis penyerahan kereta itu disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli kepada Pengarah Pusat Perkembangan Autisme UMSKAL Shafryy Mohd Sariff di pusat itu pada Selasa.

Turut hadir, Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias, Timbalan Pendaftar Kanan UMS Labuan Zamri Mohamad Tuah dan Pengerusi Puspanita Labuan Nuraini Mohamed Hanafiah.

Kereta Toyota Innova bernilai kira-kira RM100,000 itu disumbangkan ICU Jabatan Perdana Menteri yang diumumkan Ketua Setiausaha



**ROZMAN (tujuh kiri) menyerahkan Toyota Innova kepada Shafryy sambil diperhatikan Bashir (enam kiri) dan Zamri (lima kiri) di Pusat Perkembangan Autisme UMS Labuan.**

Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa ketika mengadakan lawatan ke pusat itu sebelum ini.

Padamajlisitu, Rozman yang juga pengerusi Perbadanan Labuan mengumumkan sumbangan sebanyak RM12,000 daripada Yayasan Pembangunan Labuan (YPL)

dan RM5,000 daripada Pejabat Ahli Parlimen Labuan.

Justeru, beliau menyeru semua pihak termasuk golongan korporat, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta dan orang ramai untuk tampil membantu menyalurkan bantuan

keuangan bagi meringankan Pusat Perkembangan Autisme UMSKAL itu.

Sementara itu, Shafryy mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Puspanita Kebangsaan dan Puspanita Labuan yang berusaha gigit membantu pusat itu.

Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada Rozman, Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan pelajar UMSKAL yang bertindak sebagai sukarelawan membantu menjalankan operasi pusat itu.

“Terima kasih juga saya tujukan kepada ibubapa, penaja dan orang ramai termasuk kakitangan UMSKAL yang sentiasa ringan tangan menghulurkan sumbangan kepada Pusat Perkembangan Autisme UMSKAL yang mula beroperasi sejak 2016 ini,” katanya.



**SHAFRRY (kiri) menerangkan mengenai Pusat Perkembangan Autisme kepada Rozman (dua kiri), Bashir (dua kanan) dan Zamri.**